



**SMK BANDAR UTAMA DAMANSARA 3
PERSIARAN BUKIT UTAMA
47800 PETALING JAYA, SELANGOR. D.E.**



Tel. No.: 03-77276166

Rujukan Kami : BU3/600-4/2/3(3)
Tarikh : 14 JUN 2021

Kepada,
Ibu bapa/ Penjaga Murid,
SMK Bandar Utama Damansara 3

Tuan,
TAKWIM PEPERIKSAAN KENDALIAN SEKOLAH TAHUN 2021

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Pihak KPM telah mengumumkan bahawa Sesi Pengajaran dan Pembelajaran Dari Rumah (PdPR) akan dilaksanakan selama 25 hari mulai 14 Jun 2021 (Isnin) sehingga 16 Julai 2021 (Jumaat). Ujian Lisan dan Amali bagi SPM 2021 telah ditunda ke bulan Februari 2022, manakala Ujian Bertulis SPM 2021 telah dijadualkan pada bulan Mac 2022.

3. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah telah menetapkan Takwim Peperiksaan Kendalian Sekolah bagi tahun 2021 seperti ketetapan berikut:

Bil	Perkara	Tarikh	Kaedah
1	Peperiksaan Pertengahan Tahun	8 – 16 Julai 2021	Atas talian
2	Peperiksaan Percubaaan SPM	18 – 29 Okt 2021	Ujian Bertulis*
3	Peperiksaan Akhir Tahun	15 – 26 Nov 2021	Ujian Bertulis*

*Sebarang perubahan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa

4. Bersama-sama ini dikepilkan Jadual Penuh Peperiksaan Pertengahan Tahun 2021 (Atas Talian) bagi Tingkatan 1 hingga 5 untuk tindakan tuan. Sila pastikan anak / jagaan tuan / puan **HADIR** dan bersedia mematuhi jadual yang ditetapkan. Sebarang pertanyaan dapat diajukan kepada guru kelas / guru subjek melalui WhatsApp kelas masing-masing.


5. Kerjasama dan keprihatinan tuan amat kami hargai.

Sekian, terima kasih.

” PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19 ”

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan amanah,


.....
(PUAN HAJAH ROS BINTI LIZAN)

Pengetua
SMK Bandar Utama Damansara 3